

AN OVERVIEW ON THE IMPLICATION OF ENFORCEMENT OF ISLAMIC FINANCIAL SERVICES ACT 2013 ON THE ISLAMIC PRODUCT OPERATION

TINJAUAN IMPLIKASI PENGUATKUASAAN AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 KE ATAS OPERASI PRODUK PERBANKAN ISLAM

Mastura Mohd Shafieⁱ

ⁱ Calon Pelajar Doktor Falsafah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. masms_3173@yahoo.com

Abstract	<i>Supervision of the Islamic banking institutions has been strengthened with the enactment of the Islamic Financial Services Act 2013 that provides for enhanced, prudent and comprehensive legal framework to govern and ensure financial stability and full shariah compliance by Islamic banking institutions. The direct impact from the introduction of this regulatory framework is on the classification of funds into deposit and investment account based on the product features depending on the underlying shariah contracts applied. In line with this requirement, Bank Negara Malaysia has issued Investment Account Policy, besides the issuance of shariah standards, that stipulated the relevant parameters related to the investment products. This research aimed to look at the implication to the operations of Islamic banking product pursuant to the new legislation. Information related to the research area are gathered and referred from the published documents, articles, journals and other relevant publications based on the qualitative research methodology. The research revealed that the enactment of the new act has a positive impact as the Islamic banking institutions are forced to enhance the competencies and internal capabilities to cater for the new requirements, particularly on the operation of the investment accounts given the issues related to customers' acceptance. Notwithstanding, the biggest challenge faced by the Islamic banking institutions is addressing the uncertainties in terms of profit and loss as well as the risk of losing the capital which obstructed the subscription and involvement of Islamic banking institutions and customers in this product offering. In addition, constricted regulatory requirements coupled with the practice of dual banking system had also contributed to the detriment in the implementation of investment accounts in the market.</i> <i>Keywords: Banking, act, financial, Islam, account.</i>
Abstrak	<i>Pengawalseliaan institusi perbankan Islam telah diperkukuhkan dengan pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam pada tahun 2013 yang menyediakan rangkakerja perundangan yang utuh dengan perincian yang menyeluruh dan konsisten bagi memantau dan memastikan kestabilan sistem kewangan dan pematuhan syariah sepenuhnya oleh institusi perbankan Islam. Antara kesan langsung daripada pengenalan akta ini ialah dari sudut penerimaan dana oleh institusi perbankan Islam ketika mana pengkelasan produk deposit dan akaun pelaburan perlu dibezakan berdasarkan ciri-ciri yang selari dengan kontrak syariah yang digunapakai bagi menstruktur produk tersebut. Selaras dengan keperluan ini, Bank Negara Malaysia turut mengeluarkan satu Polisi Akaun Pelaburan, selain standard-standard kontrak syariah yang menetapkan parameter-parameter</i>

	<i>berkaitan pelaksanaan produk pelaburan. Kertas kajian ini bertujuan mengutarakan implikasi penguatkuasaan rangkakerja perundangan baru ini ke atas operasi produk institusi perbankan Islam. Kajian ini menggunakan metod kualitatif di mana dokumen, artikel, jurnal dan bahan-bahan terbitan lain telah dikumpul dan dirujuk bagi mendapatkan maklumat kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengenalan akta baru ini membawa kesan positif di mana institusi perbankan Islam didorong untuk meningkatkan kompetensi dan kemampuan dalamannya berikutan perubahan dalam operasi produk, khususnya akaun pelaburan ekoran terdapat cabaran dari segi penerimaan pelanggan terhadap produk ini. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran besar yang dihadapi oleh institusi perbankan Islam dalam menangani ketidakpastian untung rugi dan risiko kehilangan modal yang mengekang penawaran dan penglibatan pihak bank dan juga pelanggan. Keperluan perundangan yang ketat serta amalan sistem dual banking juga turut menyumbang kepada halangan dalam kelancaran penawaran produk-produk pelaburan ini di pasaran.</i> Kata kunci: Perbankan, akta, kewangan, Islam, akaun.
--	---

PENDAHULUAN

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) yang telah diwartakan oleh Parlimen Malaysia dan berkuatkuasa mulai Jun 2013 adalah merupakan salah satu usaha dalam merealisasikan cadangan Pelan Sektor Kewangan yang dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2011. Dengan tema Pengantarabangsaan Kewangan Islam, BNM selaku pengawalselia sektor perbankan Islam telah memainkan peranan aktif dalam menyokong pertumbuhan industri ini dengan berbagai inisiatif yang diperkenalkan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti perbankan Islam yang selaras prinsip syariah, selain menyediakan persekitaran yang lebih kondusif dengan penawaran produk perbankan Islam yang inovatif.

Selaras dengan strategi pelan sektor kewangan ini, rejim pengawalan dan pengawalseliaan melalui rangkakerja perundangan yang menyeluruh telah diperkenalkan dengan penguatkuasaan APKI yang antara lainnya bertujuan menjamin kestabilan dalam sektor kewangan dan pematuhan syariah dalam operasi perbankan Islam. APKI menyediakan ruang lingkup rangkakerja perundangan yang menyeluruh yang mengawal dan memantau aktiviti sistem kewangan Islam, mencakupi institusi perbankan Islam, syarikat takaful, perbankan Islam antarabangsa, syarikat takaful antarabangsa serta turut memantau aktiviti pasaran kewangan Islam dan pasaran tukaran wang asing Islam.

Peruntukkan APKI yang antaranya menyentuh tuntutan patuh syariah oleh institusi perbankan Islam dalam operasi, perniagaan dan aktiviti-aktivitinya diikuti penekanan kepada hukuman berat bagi sebarang ketidakpatuhan berhubung keperluan yang telah ditetapkan, menunjukkan kesungguhan pihak pengawalselia dalam menangani isu ketidakpatuhan syariah oleh institusi perbankan Islam. Secara khususnya, bahagian ke-IV APKI telah memperuntukkan keperluan kepada pematuhan syariah oleh semua institusi yang menjalankan aktiviti perbankan Islam. Menurut seksyen 28 APKI, institusi-institusi ini dituntut agar memastikan keseluruhan operasi dan aktivitinya mematuhi aspek syariah yang ditetapkan selagi mana ia terlibat dalam menjalankan perkhidmatan perbankan Islam.

Pelaksanaan APKI ini juga memberikan kesan besar kepada institusi perbankan Islam di mana terdapat operasi institusi-institusi ini yang perlu diselaras dan dipertingkatkan bagi memastikan pematuhan kepada kehendak perundangan baru ini (Muhammad Haffiz & Shahida t.th). Antaranya ialah keperluan mengelaskan semula produk deposit Islam sedia ada berdasarkan ciri-ciri produk deposit tersebut. Produk

dengan ciri-ciri modal dijamin boleh dikategorikan sebagai 'deposit' berasaskan *wadiah* atau *qard*, sementara produk di mana modal tidak dijamin pula perlu dikelaskan sebagai 'akaun pelaburan' sama ada berasaskan kontrak *wakalah*, *mudarabah* atau *musharakah* (Gulzar & Masih, 2015). Berdasarkan peruntukkan perundangan ini, BNM telah mengeluarkan Polisi Akaun Pelaburan bertarikh 14 Mac 2014 yang mengariskan keperluan terperinci bagi operasi dan penawaran produk-produk pelaburan oleh institusi perbankan Islam. Secara sepintas lalu, tuntutan mengklasifikasi semula produk deposit ini dilihat mudah, namun hakikatnya pelaksanaan keperluan ini memberikan kesan besar kepada institusi perbankan Islam.

PENYATAAN MASALAH

Mohd Shaifuddin (2016) berpendapat bahawa pengenalan APKI telah memberikan impak besar kepada institusi perbankan Islam di mana industri menyaksikan penyusutan mendadak deposit pelaburan (*mudarabah*) daripada keseluruhan jumlah deposit kepada 35.7% bermula Disember 2013 berbanding 58.1% yang dicatat pada bulan Mac 2007, serentak dengan pelaksanaan APKI. Penyusutan ini berlaku mungkin disebabkan ketidakstabilan pasaran ekoran tindakan pendeposit yang beralih kepada instrumen lain yang lebih stabil, selepas pelaksanaan APKI yang menetapkan bahawa pulangan bagi deposit pelaburan tidak lagi 'terjamin', sebaliknya bergantung sepenuhnya kepada keupayaan sesuatu projek itu menghasilkan keuntungan yang boleh diagihkan kepada para pelabur. Keadaan ini adalah bertentangan dengan amalan sistem perbankan Islam semasa sebelum pengenalan APKI, di mana simpanan atau deposit pelanggan serta pulangan dari deposit tersebut adalah terjamin apabila disertai mekanisma atau elemen tertentu yang menjadi sebahagian daripada ciri produk.

Sementara Nota Perbincangan Staf IMF oleh Alfred et al. (2015) menyatakan bahawa layanan yang setepatnya bagi akaun pelaburan berasaskan untung rugi di institusi perbankan Islam adalah merupakan antara cabaran besar dari sudut perundangan dan kawalselia. Ini memandangkan kebanyakan pihak pengawalselia telah 'memperlakukan' produk ini sebagai 'deposit' yang secara tidak langsung melenyapkan ciri-ciri pendedahan terhadap risiko kerugian dan ketidaktentuan pulangan pelaburan dalam struktur produk. Oleh yang demikian, keperluan rejim pengawalseliaan melalui penguatkuasaan APKI yang menekankan kepada pengelasan yang tepat bagi produk perbankan Islam berdasarkan kontrak syariah yang digunapakai, perlu diberikan perhatian sewajarnya. Ini memandangkan risiko yang mungkin dihadapi oleh institusi perbankan Islam dalam penawaran produk pelaburan, ketika mana kenaikan kadar faedah pasaran boleh mempengaruhi aliran keluar dana oleh para pelanggan.

Dalam hal ini, keupayaan dan kemampuan institusi perbankan Islam dalam menilai dan memilih projek yang mampu menjana pendapatan dan keuntungan maksimum sangat penting bagi memastikan jangkaan pulangan pelanggan tercapai. Namun demikian, menurut Gulzar dan Masih (2015), institusi perbankan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai kepakaran untuk memantau dan mengambil risiko pelaburan selain keperluan mendesak pihak bank dalam menangani isu maklumat simetri ketika mana pelanggan turut berkelebihan mendapat maklumat awal mengenai potensi pulangan sesuatu projek. Isu ini timbul ekoran keperluan Polisi Akaun Pelaburan BNM yang menghendaki pendedahan maklumat secukupnya kepada pelanggan akaun pelaburan berikutan risiko kerugian modal yang dihadapi, selaras dengan prinsip perlindungan pelabur yang didokong di bawah kerangka perundangan baru ini.

Capaian kepada maklumat-maklumat pelaburan oleh para pelabur ini mampu mempengaruhi institusi perbankan dalam membuat pilihan yang tepat bagi membiayai

sesuatu projek serta turut berisiko kepada strategi pelaburan pihak bank itu sendiri. Selain itu, Gulzar dan Masih (2015) menyatakan bahawa sikap pelanggan yang 'menolak risiko' juga antara penyebab kurangnya sambutan dan minat pihak institusi perbankan untuk menawarkan produk-produk pelaburan ini.

KAJIAN LITERATUR

Antara kesan langsung daripada pelaksanaan perundangan baru ini ialah berhubung tuntutan pengkelasan semula produk deposit menurut definisi APKI berdasarkan ciri-ciri produk tersebut. Menurut peruntukkan APKI, definisi produk deposit dan akaun pelaburan jelas diasingkan berdasarkan kontrak syariah yang digunapakai. Deposit dari sudut perbankan Islam boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu deposit 'transaksi' di mana modal simpanan tidak terdedah kepada sebarang risiko dan tidak menghasilkan sebarang pulangan, dan deposit 'pelaburan' iaitu deposit yang terdedah kepada risiko kehilangan modal tetapi berpotensi memberikan pulangan lumayan sekiranya pelaburan tersebut berhasil. Prinsip ini juga terpakai dari aspek pembiayaan ketika mana aktiviti pembiayaan oleh institusi perbankan Islam hanya dibenarkan menerima keuntungan daripada pinjaman yang diberikan kepada pelanggan sekiranya pihak bank turut berkongsi risiko kerugian daripada aktiviti perniagaan tersebut.

Meskipun sektor perbankan Islam telah dimantapkan dengan penguatkuasaan APKI yang bertujuan menambahbaik dan menyediakan pengawalseliaan menyeluruh kepada sistem kewangan Islam, institusi perbankan Islam berdepan risiko ketidakstabilan sumber dana deposit berikutan jangkaan bahawa pendeposit akan cenderung memilih produk yang menjamin modal simpanan serta ketidakpastian mengenai penerimaan pendeposit berhubung keperluan baru perundangan yang seterusnya boleh menjurus kepada pengaliran keluar sumber dana (Muhammad Haffiz & Shahida, t.th).

Selain itu, Shim Man dan Aisyah (2011) dalam kajian mereka turut mengenalpasti bahawa terdapat hubungan antara kadar faedah tabungan bank konvensional dengan perkembangan deposit permintaan perbankan Islam, meskipun perbankan Islam mengharamkan 'riba'. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan institusi perbankan masih merujuk kepada kadar pulangan semalaman antara bank sebagai penanda aras dalam menentukan kadar pulangan deposit perbankan Islam. Perkembangan deposit permintaan perbankan Islam masih lagi dipengaruhi oleh faktor keuntungan yang bakal dijana berdasarkan kadar pulangan yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Kenyataan ini sememangnya telah memberikan kesan kepada kesediaan institusi perbankan Islam untuk menawarkan deposit Islam yang menepati ciri-ciri sebagaimana digariskan di bawah peruntukkan perundangan baru.

Kajian Ahmad Alfisyahrin (2014) pula menjelaskan bahawa produk akaun pelaburan yang distruktur berasaskan kontrak *mudarabah* atau *wakalah bi al-istithmar* pada umumnya adalah berisiko tinggi memandangkan ia terdedah kepada potensi kerugian dan kehilangan modal. Walau bagaimanapun, beliau turut menambah bahawa pendedahan terhadap risiko kerugian ini adalah berbalas dengan kemungkinan pulangan lumayan yang akan dihasilkan daripada kejayaan sesuatu projek pelaburan yang dilaksanakan. Situasi ini adalah selaras dengan prinsip *al-ghurm bi al-ghunm* ketika mana bagi seseorang yang ingin mendapat faedah atau keuntungan daripada sesuatu perkara, maka dia mesti bersedia dan bertanggungjawab ke atas risiko atau *darar* yang akan terjadi. Keperluan ini juga sesuai dengan prinsip pelaburan daripada perspektif Islam yang mementingkan kesaksamaan antara pelabur dan pengusaha (institusi perbankan Islam) serta penekanan kepada sifat amanah dan saling membantu. Namun demikian, keadaan ini adalah berbeza daripada pelaburan konvensional yang menjamin dana modal dan keuntungan dari sesuatu pelaburan.

Tanpa menolak kekangan dan cabaran dalam pelaksanaan akaun pelaburan, Ahmad Alfisyahrin (2014) bagaimanapun turut berkongsi sudut pandangan positif berkaitan pembaharuan yang diperkenalkan di bawah APKI ini. Menurut beliau, perubahan yang dibawa oleh APKI ini secara tidak langsung jelas mencabar keupayaan institusi perbankan Islam untuk meningkatkan kualiti dan nilai sesuatu pelaburan terutamanya dari segi pengawalan risiko selain mengenal pasti potensi serta peluang keuntungan yang bakal dijana. Keadaan ini akan mendorong, antara lain, peningkatan dalam piawaian penentuan kadar pulangan pelaburan sedia ada kepada piawaian yang lebih dinamik dan kompetitif berbanding piawaian penetapan ukuran pulangan yang ditawarkan oleh pelaburan konvensional. Disamping itu, dengan keupayaan pengurusan dana yang mampan dan pengawalan risiko yang efektif dan berkesan, institusi perbankan Islam mampu menarik minat ramai pelabur untuk menyuntik modal atau terlibat dalam transaksi pelaburan yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam.

Namun demikian, meskipun institusi perbankan Islam menerima konsep pelaburan dengan perkongsian untung dan rugi serta sumbangannya dari sudut perkembangan ekonomi, selain lebih adil dalam perkongsian pendapatan antara pemilik modal dan pengusaha, Waemustafa (2013) menyatakan bahawa penawaran produk perbankan Islam pada masa kini lebih tertumpu kepada transaksi kewangan berasaskan hutang (*debt based*) seperti konsep *murabahah*. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Shaifuddin (2016) yang berpendapat bahawa pengasingan yang jelas bagi dana deposit dan akaun pelaburan menurut APKI telah mendorong impak negatif di kalangan institusi perbankan Islam ketika mana hampir kesemua dana 'deposit pelaburan' telah ditukarkan kepada produk-produk berasaskan hutang. Situasi ini menggambarkan ketidaksediaan pelanggan atau institusi perbankan Islam itu sendiri dalam mengamalkan transaksi perbankan berasaskan prinsip Islam sebenar di mana pulangan atau keuntungan yang ingin diperolehi hendaklah disertai dengan kesediaan pihak terbabit untuk berkongsi dan menerima risiko dari sesuatu transaksi yang dijalankan.

Sebagaimana pendapat Aznan dan Zahiruddin (2011) yang mengulas bahawa antara isu-isu yang bakal timbul apabila institusi perbankan Islam ingin mempertimbangkan penglibatan dalam pelaksanaan kontrak pelaburan seperti *mudarabah* dan *musharakah* adalah persoalan berkaitan perlindungan modal pelaburan sama ada oleh *mudarib* dan *musharik* atau pihak ketiga. Keadaan ini berlaku ekoran risiko kehilangan modal yang dilaburkan oleh pemilik modal di mana institusi perbankan mulai memikirkan alternatif bagi menangani isu ini. Isu jaminan modal ini juga sering dijadikan perbandingan dan faktor pengukur bagi memilih antara pelaburan Islam dan pelaburan konvensional.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini berdasarkan metodologi kajian berbentuk kualitatif dengan pendekatan deskriptif yang digunakan bagi menyampaikan hasil kajian. Bagi metod analisis data pula, penulis mengaplikasi kaedah analisis dokumen di mana data dan maklumat-maklumat berkaitan yang telah dibaca dan dikumpul melalui carian dan penelitian kepustakaan akan disaring, disemak dan dianalisa bagi mengenalpasti dapatan bagi kajian ini.

Memandangkan kajian ini terhad kepada tinjauan implikasi dari sudut pelaksanaan produk-produk pelaburan selepas penguatkuasaan APKI, jurnal, artikel dan bahan-bahan bercetak berkaitan tajuk kajian ini akan dirujuk sebagai sumber utama bagi mendapatkan maklumat kajian. Dapatan dan hasil kajian akan dipersembahkan secara naratif bagi memberikan gambaran jelas mengenai subjek kajian penulis.

DAPATAN KAJIAN

Menurut kajian Muhamad Badri (2016) yang menyentuh mengenai inovasi dari aspek perundangan perbankan Islam, pengenalan APKI memberikan kesan positif kepada institusi perbankan Islam dari sudut pengawalseliaan yang lebih mampan dan menyeluruh bagi memantau aktiviti perbankan Islam yang patuh syariah selain menyumbang kepada rancangan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hub bagi kewangan Islam. Namun demikian, dalam tulisannya Muhamad Badri juga mengutarakan pendapat Al-Salem (2009) berhubung inovasi dalam produk perbankan Islam yang mana pengkaji ini mengulas bahawa inovasi produk perbankan Islam masih ketinggalan memandangkan kewujudan institusi ini yang masih baru berbanding perbankan konvensional.

Namun demikian, selepas lebih 30 tahun perbankan Islam bertapak di pasaran, apakah pendapat Al-Salem ini masih relevan sepenuhnya? Menurut kajian Nafisah, Abdul Ghafar & Junaina (2014), praktis sistem *dual banking* di Malaysia antara lain mendorong institusi perbankan Islam untuk bersaing bagi menjana keuntungan dan beroperasi secara efektif. Kewujudan persekitaran yang menggalakkan persaingan antara perbankan Islam dan konvensional ini perlu bagi mengekalkan kestabilan pasaran memandangkan sistem *dual banking* yang diamalkan. Walau bagaimanapun, persekitaran sektor kewangan dimana institusi perbankan Islam wujud dan beroperasi selari dengan institusi perbankan konvensional ini turut mendorong penawaran produk deposit perbankan Islam yang menyamai dan meniru ciri-ciri produk deposit perbankan konvensional. Pendeposit akan menerima pulangan daripada simpanan mereka, selain jaminan kepada deposit yang disimpan (Gulzar & Masih, 2015).

Meskipun alasan bahawa situasi ini berlaku disebabkan dorongan untuk terus bersaing dan kekal relevan di pasaran, faktor ini telah menjurus kepada keadaan di mana institusi perbankan Islam patuh syariah hanya dari sudut *form* berbanding *substance* (Sheila Aion, t.th). Ini adalah antara faktor yang telah mendedahkan institusi perbankan Islam kepada risiko ketidakpatuhan kepada kehendak syariah dalam implementasi produk dan aktiviti perbankan sebagaimana diterjemahkan dalam banyak kajian oleh ramai pengkaji dan ahli akademik (Sheila Aion, t.th). Ketidakpatuhan syariah ini mempunyai kesan sistemik di mana ia mampu menjurus kepada ketidakstabilan sistem kewangan.

Ciri-ciri tepat deposit Islam yang perlu mempunyai elemen jaminan nilai pokok, berdasarkan kontrak syariah yang digunapakai, juga menimbulkan kesukaran kepada institusi perbankan Islam kerana kebanyakan produk deposit sebelum penguatkuasaan APKI adalah distruktur di bawah prinsip *mudarabah* dan *wakalah* yang merupakan kontrak asas yang tiada jaminan pokok (Abdul Hakim, 2014). Oleh yang demikian, sebarang jaminan bagi keuntungan dan dana deposit berdasarkan kontrak-kontrak ini adalah bertentangan dengan prinsip syariah.

Asmadi (2014) juga mengulas bahawa para pelanggan perlu bersedia untuk menerima risiko kerugian pelaburan masing-masing memandangkan akaun 'deposit' berdasarkan kontrak *mudarabah* tidak lagi layak menerima layanan jaminan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Meskipun industri tidak pernah berhadapan dengan situasi di mana akaun-akaun pelaburan pelanggan di institusi perbankan Islam mengalami kerugian terhadap modal yang dilabur, kebanyakan daripada institusi perbankan Islam ini memilih untuk memerhati sama ada terdapat institusi perbankan Islam yang bersedia untuk menawarkan akaun pelaburan tanpa jaminan di pasaran.

Sebagaimana prinsip operasi kewangan Islam yang sebenar, Zubair (2014) menekankan bahawa sebarang transaksi kewangan Islam semestinya melibatkan pembiayaan atau penglibatan dalam aktiviti ekonomi sebenar (*real economy*). Transaksi ini perlu disokong oleh aktiviti perdagangan atau jual beli barangan dan

perkhidmatan atau aktiviti pelaburan di mana pemilik modal dan pengusaha terdedah kepada risiko untung rugi dalam sesuatu usaha atau projek yang dijalankan. Prinsip inilah yang menjadi asas pengharaman riba, iaitu satu keadaan di mana pemilik modal memperolehi keuntungan atau bayaran balik pinjaman yang diberikan berserta faedah, tanpa perlu menghadapi atau terlibat dalam aktiviti pengambilan risiko.

Aktiviti perkongsian untung dan rugi antara pihak bank dan pelanggan sebenarnya mampu memberikan sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi dunia Islam. Ini memandangkan situasi ketidakpastian berhubung keberhasilan sesuatu projek yang disertai akan menyebabkan institusi perbankan Islam menjadi lebih teliti dan berhati-hati dalam menilai pelanggan serta potensi sesuatu projek. Dari sudut pandangan pelanggan pula, perkongsian untung rugi akan memberi manfaat memandangkan kriteria kelayakkan untuk mendapatkan modal dari pihak bank bukan lagi bergantung kepada kualiti kredit pelanggan serta rekod-rekod kewangan lampau semata-mata.

Sebaliknya pihak institusi perbankan akan lebih menumpukan kepada potensi keuntungan yang bakal dijana oleh sesuatu projek yang dibiayai. Ini pastinya menghasilkan situasi menang-menang bagi semua pihak yang terlibat di mana pelanggan akan mendapat modal kerja yang diperlukan, pihak bank memperolehi keuntungan yang dijangkakan dan para pendeposit yang meletakkan dana dalam akaun pelaburan pula akan mendapat pulangan pelaburan yang tinggi, hasil kejayaan sesuatu projek yang dibiayai.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan operasi produk pelaburan oleh institusi perbankan Islam ini perlu memenuhi keperluan kawalselia yang telah ditetapkan. Sebagai contohnya, bagi akaun pelaburan yang distruktur berasaskan kontrak *wakalah* khusus, institusi perbankan Islam selaku wakil yang mengurus modal pelanggan perlu mematuhi keperluan nisbah kecairan yang ditetapkan di bawah Basel III yang menghendaki pihak institusi perbankan memperuntukkan antara 20% hingga 30% dana ke dalam aset mudah cair seperti tunai dan sekuriti sebagai persediaan menangani isu risiko kecairan (Ahmad Mukarrami, 2014). Di bawah kontrak *wakalah* juga, seorang wakil akan menerima upah yang telah ditetapkan tanpa tertakluk kepada keberhasilan sesuatu projek yang diusahakan. Terdapat juga praktis di kalangan institusi perbankan Islam yang menetapkan jangkaan kadar pulangan pelaburan yang akan diperolehi (*indicative rate of return*) di mana sebarang keuntungan yang diperolehi melebihi jangkaan keuntungan ini akan diterima oleh institusi perbankan sebagai upah insentif bagi usaha menguruskan dana modal pelabur (ISRA, 2014). Namun begitu, tiada sebarang ketetapan atau garis panduan yang jelas daripada pihak pengawalselia yang boleh dirujuk oleh institusi perbankan Islam bagi memastikan fi atau kadar jangkaan yang ditetapkan adalah setara dan tidak menjejaskan kepentingan kedua-dua pihak.

Penglibatan institusi perbankan Islam dalam transaksi dan projek pelaburan juga adalah berisiko tinggi memandangkan terdapatnya kemungkinan ketidaktepatan maklumat yang diperolehi atau diberi oleh pelanggan selain terdapatnya kemungkinan di mana pelanggan tidak mengistiharkan perolehan atau keuntungan sebenar yang dijana oleh sesuatu projek, yang seterusnya boleh merugikan pihak bank. Dalam pelaksanaan sesuatu projek pelaburan, pelanggan kebiasaannya mempunyai maklumat terperinci mengenai kebolehlaksanaan atau potensi kejayaan sesuatu projek yang akan dijalankan berdasarkan pengalaman dan penglibatan mereka (Md. Abdul, t.th). Oleh yang demikian, pemantauan rapi perlu dijalankan oleh institusi perbankan bagi menangani cabaran dan isu-isu sedemikian.

Selain daripada itu, dengan penguatkuasaan APKI juga, institusi perbankan Islam tidak lagi dibenarkan menggunakan *smoother* untuk memastikan pulangan pelaburan pelanggan adalah terjamin atau setara pulangan pelaburan konvensional.

Menurut polisi Akaun Pelaburan (2014), sebarang metod untuk meningkatkan keuntungan pelabur, termasuk teknik *profit smoothing* adalah tidak dibenarkan. Oleh yang demikian, keupayaan institusi perbankan Islam dalam menarik dana pelanggan adalah bergantung sepenuhnya kepada kesedaran masyarakat berhubung kelebihan produk patuh syariah dan aktiviti perkongsian untung dan rugi dalam perniagaan, selain kemampuan pihak institusi perbankan itu sendiri mengekalkan tahap pencapaian kewangan yang mantap dan memberangsangkan yang mampu menukar persepsi pelanggan berhubung keupayaan pihak bank itu sendiri. Selain itu, kesanggupan pihak institusi perbankan untuk terlibat dalam penawaran akaun pelaburan dan aktiviti pengambilan risiko serta sokongan berterusan dan iniatif yang diambil oleh pihak pengawalselia dijangka mampu menggalakkan pertumbuhan industri perbankan Islam di Malaysia.

PENUTUP

Dengan kepesatan perkembangan industri perbankan Islam, inisiatif pihak pengawalselia untuk memperkukuh dan menyediakan rangkakerja perundangan yang padat dan menyeluruh disambut baik oleh pemain-pemain industri. Selaras dengan objektif pengenalan APKI yang menumpukan kepada kestabilan sistem kewangan, keperluan yang dituntut di bawah kerangka perundangan baru, dengan disokong oleh standard dan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM, telah menyiapkan satu persekitaran yang kondusif disertai pengawalseliaan yang lebih mampan dan seragam bagi menyokong perkembangan institusi perbankan Islam.

Namun demikian, terdapat antara keperluan perundangan yang ditetapkan oleh pihak pengawalselia yang perlu diberi perhatian dari segi kebolehlaksanaan peraturan tersebut dan kesannya terhadap operasi institusi perbankan. Ini memandangkan persekitaran operasi sistem kewangan di Malaysia yang mengamalkan *dual banking*, sedikit sebanyak memberi kesan kepada pelaksanaan sesetengah keperluan perundangan yang ditetapkan. Faktor persaingan pasaran dan ruang memilih yang wujud dalam sistem ini turut menjadi antara kekangan kepada pencapaian objektif dalam memastikan kelancaran operasi institusi perbankan Islam yang benar-benar menurut keperluan syariah. Para pelabur dan pendeposit umpamanya, akan merujuk dan membuat perbandingan berhubung kelebihan dan keuntungan yang ditawarkan oleh perkhidmatan perbankan konvensional ketika membuat pilihan untuk melabur atau menyimpan dana di institusi perbankan Islam. Ini adalah antara kesan-kesan semerta yang dihadapi oleh institusi perbankan Islam selepas pengenalan akta baru ini.

RUJUKAN

- Asyraf Wajdi Dusuki dan Nurdianawati Irwani Abdullah. 2011. *Fundamentals of Islamic Banking*. First Edition. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Bank Negara Malaysia. 2014. Polisi Akaun Pelaburan.
- International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) and Securities Commission Malaysia. 2015. *Islamic Capital Markets: Principles & Practices*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- Md. Abdul Awwal Sarker. t.th. Islamic Business Contracts, Agency Problem and the Theory of the Islamic Firm. *International Journal of Islamic Financial Services* vol. 1 No.2
- Muhamad Badri Othman. 2016. *Impact of Financial innovations on Islamic Finance: The Case of Bursa Suq Al-Sila' and Islamic Financial Services Act 2013*. 4th Asean International Conference on Islamic Finance (AICIF 2016).

- Shim Man Kit dan Aisyah Abdul Rahman. 2011. *Penentu Deposit dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia*. Malaysia Journal of Society and Space 7 issue 2 (65-71). ISSN 2180-291.
- Waeibrorheem Waemustafa. 2013. The emergence of Islamic banking: Development. Trends and challenges. *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM)*. Vol.7. Issue 2. Jan-Feb: 67-71.
- Undang-Undang Malaysia. Akta 759. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.
- Zubair Hasan. 2014. *Islamic Banking and Finance: An Integrative Approach*. First Edition. OXFORD University Press. Oxford Fajar Sdn Bhd: Kuala Lumpur.

Internet

- Abdul Hakim Osman. 2014. Pematuhan Syariah Di Bawah IFSA Dan Cabaran-Cabaran Semasa. *Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-9*. Kuala Lumpur Islamic Finance Forum. 10 November. Kuala Lumpur. <https://www.kliff.com.my/wp-content/uploads/2014/12> (diakses pada 25 Februari 2017).
- Ahmad Alfisyahrin Jamilin. 2014. Pembangunan Instrumen Kecairan Baru yang Patuh Syariah. *Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-9*. Kuala Lumpur Islamic Finance Forum. 10 November. Kuala Lumpur. <https://www.kliff.com.my/wp-content/uploads/2014/12> (diakses pada 25 Februari 2017).
- Ahmad Mukarrami Ab Mumin. 2014. Isu dan Cabaran Pembangunan Produk-produk Kecairan Baru Berkualiti Tinggi yang Patuh Syariah. *Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-9*. Kuala Lumpur Islamic Finance Forum. 10 November. Kuala Lumpur. <https://www.kliff.com.my/wp-content/uploads/2014/12> (diakses pada 25 Februari 2017).
- Alfred Kammer, Mohamed Norat, Marco Pinon, Ananthakrishnan Prasad, Christopher Towe, Zeine Zeidane and an IMF Staff Team. 2015. *IMF Staff Discussion Note. Islamic Finance: Opportunities, Challenges and Policy Options*. <https://www.imf.org/sdn/sdn1505> (diakses pada 25 Februari 2017).
- Asmadi Muhammad Na'im. 2014. Peluang dan Cabaran Pematuhan IFSA dan BASEL III dalam Pengurusan Kecairan di Bank-bank Islam. *Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-9*. Kuala Lumpur Islamic Finance Forum. 10 November. Kuala Lumpur. <https://www.kliff.com.my/wp-content/uploads/2014/12> (diakses pada 25 Februari 2017).
- Aznan Hassan & Zaharuddin Abd Rahman. 2011. Musharakah: Isu Jaminan Perlindungan Modal Bagi Pengukuhan Kredit. *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara, Phuket, Thailand*. 14-15 September. http://irep.iium.edu.my/23689/1/Musharakah_Isu_Jaminan_Modal (diakses pada 15 Januari 2017).
- Bank Negara Malaysia. 2011. Siaran Akhbar: Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020. www.bnm.gov.my/index.php? (diakses pada 1 April 2017).
- Mohd Shaifuddin Mohd Noor. 2015. *Does IFSA 2013 Marginalized Mudarabah-Based Deposit? A Case Study of AmBank Islamic Berhad*. www.ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2016 (diakses pada 1 April 2017).
- Muhammad Haffiz Muhammad Isa & Shahida Shahimi. [t.th.]. *Apakah signifikan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 ke atas tingkahlaku penerimaan dana deposit oleh institusi perbankan Islam Malaysia*. www.ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2016/10/23.
- Nafisah Mohammed, Abdul Ghafar Ismail dan Junaina Muhammad. 2014. *Evidence on Market Concentration in Malaysian Dual Banking System*. Global Conference on Business & Social Science – 2014, GCBSS-2014. 15 & 16 December. Kuala Lumpur. www.sciencedirect.com (diakses pada 25 Februari 2017).

- Rosana Gulzar & Mansur Masih. 2015. *Islamic Banking: 40 Years Later, Still Interest-Based? Evidence From Malaysia*. MPRA Paper No. 65840. 30 July. INCEIF Malaysia. <http://mpa.ub.uni-muenchen.de/65840/> (diakses pada 2 April 2017)
- Sheila Ainon Yussof. t.th. *The Islamic Financial Services Act 2013. Malaysia's Model Framework for Shariah-Compliance and Stability*. <http://platform.almanhal.com/Files/?ID=T2-59808-MLA0019216> (diakses pada 1 April 2017).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.